



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

28 Oct 2020 (Rabu)

Berita Harian

PN sambut baik solidariti parti sokong Muhyiddin	1
Pengurus kilang sawit antara 11 ditahan polis	2
Selangor Berselawat secara langsung di FB	3

Utusan Malaysia

Pencemaran Sungai Kundang: 11 individu direman	4
Hina Agong: Empat pemilik akaun media sosial disiasat	5
Mahu jaminan kerajaan negeri Selangor	6

Harian Metro

4 disiasat muat naik kenyataan menghasut terhadap Seri Paduka	7
Ada peningkatan kes	8
Letih la macam ni!	9

Kosmo

Ronnie Liu antara disiasat hina YDPA	10
Nelayan rayu tindakan ke atas pihak cemari sungai	11

Sinar Harian

'Itu tanggungjawab saya'	12
PN sambut baik solidariti, tekad perangi Covid-19	13
PDRM siasat empat pemilik akaun Facebook, Twitter hina Agong	14

Selangor TV

30 Penduduk Kampung Matang Pagar Terima Kad KISS	15
Belanjawan 2021: Fokus Misi Pelaburan Dalam Talian	16
Belanjawan 2021: Perkasa Ekonomi Pasca Covid-19	17
Belanjawan 2021: Sistem Pengasingan Sampah Dari Rumah Perlu Diwujudkan?	18
Belanjawan 2021: Tumpu Bantu Rakyat Terjejas Covid-19	19

The Star

Improvements in progress	20
COMPOUND REDUCTION	21
Shot in the arm for Selangor SMEs	22
TRAFFIC MATTERS	23

New Straits Times

4 UNDER PROBE OVER 'SEDITIONOUS' REMARKS	24
MBSA denies according i-City 'Silicon Valley' status	25

The Sun

Stricter action needed to stop social media spoofs	26
11 held for polluting river	27
State rep, three others probed over social media postings	28

The Malaysian Reserve

Two areas in Selangor, 1 in Sarawak under EMCO	29
--	----

Oriental Daily



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Uploaded pictures of protests in Thailand and left sensitive comment, police summoned Liu Tian Khiew under sedition	30
Sungai Kundang Rawang pollution, 3 people detained for 7 days	31
Kwong Wah Yit Poh	
1 company director and 2 men detained for 7 days to assist with investigation of Selangor river pollution case	32
Makkal Osai	
CMCO operation in Selangor state	33
Malaysia Nanban	
Three men remanded over Sungai Kundang pollution	34



KERATAN AKHBAR

28 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PN sambut baik solidariti parti sokong Muhyiddin
Muka Surat	:	2



PN sambut baik solidariti parti sokong Muhyiddin

Kuala Lumpur: Perikatan Nasional (PN) menyambut baik solidariti ditunjukkan parti komponen gabungan itu yang menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ketua Penerangannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kesepakatan itu perlu dalam usaha menangani penularan pandemik COVID-19 dan memelihara ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau mengesakan semua pihak melangkaui perbezaan dan latarbelakang politik untuk bersama berganding bahu demi negara.

“PN menyambut baik semangat solidariti arti komponen iaitu PAS, STAR (Parti Solidariti Tanah Airku) dan SAPP (Parti Maju Sabah) serta Ahli Parlimen UMNO, MCA, MIC, PBR (Parti Bersatu Rakyat Sabah), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang telah menzahirkan sokongan penuh terhadap kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan mendukung kerajaan PN.

“Oleh itu, PN menyeru semua pihak khususnya pemimpin politik merentasi segenap batas perbezaan untuk segera mendakap kesatuan bersama rakyat demi memerangi COVID-19 dan memu-

lihkan ekonomi negara.

“PN bertekad terus bekerja kuat bersama-sama rakyat dan barisan hadapan negara bagi memerangi pandemik COVID-19.

“Pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin tuntas memberikan kepimpinan dan berganding bahu bersama-sama pakar kesihatan dan ekonomi serta pasukan keselamatan untuk mencerakinkan pelan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menangani wabak ini secara holistik,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamed Azmin yang juga Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri) berkata, PN menjunjung titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mengiktiraf kejayaan Kerajaan Persekutuan pimpinan Muhyiddin dalam menangani wabak COVID-19 dengan baik dan berkesan.

“PN turut menjunjung keyakinan Seri Paduka terhadap pelaksanaan kebijaksanaan dan tindakan penguatkuasaan oleh Kerajaan Persekutuan.

“Ia demi melindungi kesihatan rakyat, memelihara kebajikan dan menjamin keselamatan rakyat serta mencerdaskan ekonomi negara,” katanya.



KERATAN AKHBAR
28 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pengurus kilang sawit antara 11 ditahan polis
Muka Surat	:	24

Pencemaran Sungai Kundang


Pengurus kilang sawit antara 11 ditahan polis

Shah Alam: Polis menahan 11 individu, termasuk pengurus kilang yang dipercayai terbabit dalam kes pencemaran di Sungai Kundang, Rawang, Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat, berkata tangkapan itu susulan serbuan oleh sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak, kelmarin.

"Kira-kira jam 3 petang, polis menyerbu sebuah kilang pemprosesan minyak sawit di kawasan industri Kundang Jaya, Kundang.

"Dalam serbuan itu, polis menahan 11 individu terdiri daripada seorang pengurus kilang berumur 66 tahun, dua lelaki tempatan berumur 36 tahun dan 46 tahun serta lapan pekerja warga Myanmar



Fadzil Ahmat

berumur 27 hingga 39 tahun," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Fadzil berkata, polis turut merampas beberapa dokumen dan peralatan yang disyaki digunakan sehingga menyebabkan pencemaran air.

"Semua tangkapan ditahan reman selama tujuh hari mulai hari ini (semalam) hingga 2 November depan. Kes disiasat mengi-

kut Seksyen 430 Kanun Keseksaan," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati pencemaran bau di sungai itu adalah bahan biodiesel dan mencatatkan keputusan melebihi 10 ton di kawasan yang disyaki iaitu kawasan Industri Kundang Jaya.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian pula mengesahkan kilang yang dipercayai menjadi punca pencemaran itu adalah berlesen di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

"Kilang membuat dan memproses produk minyak sawit itu beroperasi kira-kira 19 tahun iaitu sejak 2001," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Selangor Berselawat secara langsung di FB
Muka Surat	:	43

Selangor Berselawat secara langsung di FB

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengadakan Program Selangor Berselawat yang bersiaran secara langsung dari Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini sempena sambutan Maulidur Rasul 1442 Hijrah peringkat negeri. Pengarahnya, Mohd Shahzihan Ahmad, berkata program itu diadakan serentak seluruh masjid dan surau di negeri ini melalui laman Facebook Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Beliau berkata, hanya pentadbir dengan 23 jemaah masjid serta 16 jemaah surau dibenarkan di satu-satunya Zon Hijau di Selangor, iaitu Sabak Bernam.

Katanya, di Zon Kuning dan Merah, hanya enam jemaah dibenarkan di masjid serta surau.

"Semua umat Islam di kediaman masing-masing diminta melaksanakan solat Maghrib tepat pada waktu, diikuti solat hajat bersama jemaah dan ahli keluarga.

"Pada jam 7.30 malam, bacaan selawat dan munajat dimulakan dengan pimpinan Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Muhammad Farhan Wijaya dan diteruskan ceramah agama khas sempena Maulidur Rasul," katanya dalam kenyataan.

Mohd Shahzihan berkata, umat Islam di Selangor juga boleh mengikuti dan menghayati ceramah khas Maulidur Rasul secara langsung melalui Facebook Masjid Sultan Salahuddin

Abdul Aziz Shah di www.facebook.com/masjidssaas.

Katanya, teks selawat serta munajat turut disediakan dan boleh dimuat turun di portal rasmi JAIS, iaitu www.jais.gov.my atau e-masjid.jais.gov.my.

Beliau berharap program berkenaan dapat menyemai rasa cinta berterusan kepada Nabi Muhammad SAW dan mengundang rahmat serta pertolongan Allah dengan mengangkut musibah wabak COVID-19 yang sedang melanda negara ketika ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pencemaran Sungai Kundang: 11 individu direman
Muka Surat	:	11

Pencemaran Sungai Kundang: 11 individu direman

SHAH ALAM: Seramai 11 individu termasuk pengurus sebuah kilang pemrosesan minyak sawit di kawasan perindustrian Kundang Jaya, Kundang ditahan bagi membantu siasatan kes pencemaran Sungai Kundang, Rawang Jumaat lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak telah melakukan serbuan semalam di premis tersebut kira-kira pukul 3 petang.

Menurut Fadzil, hasil serbuan pihaknya telah berjaya menahan 11 individu berusia 27 hingga 66 tahun termasuk pengurus kilang dan dua pekerja tempatan. Turut ditahan lapan pekerja warga Myanmar merupakan pekerja premis tersebut.

"Kita turut merampas beberapa dokumen dan peralatan yang disyaki digunakan menyebabkan pencemaran air.

"Kesemua mereka telah dibenarkan direman selama tujuh hari sehingga Isnin hadapan bagi membantu siasatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Terdahulu, perintah tahanan reman terhadap kesemu suspek dikeluarkan Majistret Nur Hafizah Rajuni di Mahkamah Majistret Selayang.

Baru-baru ini, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menangani dua insiden pencemaran dapat mengelakkan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) iaitu di tasik Putrajaya dan Sungai Kundang.

Pencemaran bau sehingga 10 ton di Sungai Kundang di kesan berpunca daripada bahan biodiesel yang disyaki di kawasan industri Kundang Jaya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Hina Agong: Empat pemilik akaun media sosial disiasat
Muka Surat	:	12

Hina Agong: Empat pemilik akaun media sosial disiasat

KUALA LUMPUR: Empat pemilik akaun Twitter dan Facebook disiasat selepas didakwa mengeluarkan kenyataan berunsur hasutan terhadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Huzir Mohamed berkata, siasatan Unit Siasatan Je-

nayah Terkelas (USJT) Bukit Aman itu melibatkan beberapa individu termasuk pemilik akaun Facebook, 'Ronnie Liu Tian Khiew'.

Katanya, ini susulan hantaran yang dimuat naik pemilik akaun itu tertulis '*Now in Bangkok, they are saying no to the king* (Kini di Bangkok mereka katakan tidak kepada Raja)', 21 Oktober lalu.

"Kita juga menyiasat pemilik akaun Twitter 'Uncle Ireeve' kerana memuat naik kenyataan berunsur penghinaan terhadap Al-Sultan Abdullah selain Liew Lip Nan yang mempertikaikan video dimuat naik Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung tujuh wasiat Raja-Raja Melayu.

"Siasatan dibuat ke atas pemilik

akaun FB 'Ho Ruey Terng' yang memuat naik kenyataan berunsur penghinaan," katanya di sini.

Menurut Huzir, pihaknya turut menahan seorang lelaki berusia 52 tahun di Cheras dan merampas peralatan digunakan untuk memuat naik kenyataan tersebut.

"Kita menyeru pemilik akaun ini tampil menyerah diri dan jika

ingkar, tangkapan akan dibuat.

"Kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Orang ramai juga diingatkan supaya lebih bertanggungjawab dan sentiasa menghayati prinsip Rukun Negara iaitu 'kesetiaan kepada raja dan negara'," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Mahu jaminan kerajaan negeri Selangor
Muka Surat	:	18



MASALAH pencemaran air perlu diselesaikan dengan segera bagi mengelak aktiviti ekonomi dan kehidupan penduduk di Selangor terjejas. - GAMBAR HIASAN

Mahu jaminan kerajaan negeri Selangor

SAUDARA PENGARANG,

BERHUBUNG isu air tercemar yang kerap berlaku di Selangor, masalah tersebut dilihat semakin membimbangkan, lebih-lebih lagi sehingga kini masih tiada sebarang keputusan diambil oleh kerajaan negeri.

Penggunaan air bersih bukan sahaja melibatkan penduduk, malah pelabur-pelabur luar, pengusaha perhotelan, restoran dan lain-lain lagi turut terjejas

akibat kekerapan terputus bekalan.

Nampaknya kerajaan negeri masih berdiam diri tanpa sebarang tindakan atau pelan pemulihan yang boleh melegakan pengguna.

Justeru, saya ingin mengetahui mengenai jaminan diberikan oleh kerajaan negeri Selangor bahawa bekalan air tidak akan terjejas lagi pada masa akan datang.

OMAR LOLO
Kuala Lumpur



KERATAN AKHBAR
28 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	4 disiasat muat naik kenyataan menghasut terhadap Seri Paduka
Muka Surat	:	4

4 disiasat muat naik kenyataan menghasut terhadap Seri Paduka

Kuala Lumpur: Empat pemilik Twitter dan Facebook disiasat polis kerana mengeluarkan kenyataan yang mempunyai kecenderungan menghasut terhadap Yang Di-Pertuan Agong (YDPA), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, antara individu yang disiasat Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) ialah pemilik akaun Facebook Ronnie Liu Tian Khiew.

"Pada 21 Oktober lalu satu siasatan sudah dimulakan ke atas kenyataan yang dimuat naik pemilik akaun Facebook berkenaan.

"Siasatan lanjut kini sedang dijalankan bagi mengesan suspek dan merakam

keterangan saksi yang kompeten serta mendapatkan keterangan dokumen," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Huzir berkata, pihaknya juga kini menjalankan siasatan terhadap seorang pemilik akaun Twitter dikenali sebagai Uncle Ireeve kerana memuat naik kenyataan berunsur penghinaan terhadap YDPA.

"Selain itu, polis turut menyiasat kenyataan Twitter dimuat naik Liew Lip Nan yang mempertikaikan video yang dimuat naik Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung tujuh wasiat Raja-Raja Melayu.

"Semalam (kelmarin) USJT Bukit Aman menahan seorang lelaki berusia 52 tahun di Cheras dan merampas peralatan yang diguna-

kan untuk memuat naik kenyataan berkenaan," katanya.

Menurutnya, siasatan turut dilakukan ke atas seorang pemilik akaun Facebook dikenali Ho Ruey Teng yang memuat naik kenyataan berunsur penghinaan terhadap YDPA.

"Siasatan lanjut dilakukan bagi mengesan suspek dan merakam keterangan saksi yang kompeten.

"Semua siasatan berkenaan diklasifikasikan mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998,"katanya.

Katanya, semua pemilik akaun berkenaan diminta tampil untuk menyerah diri di USJT Bukit Aman sekiranya ingkar tangkapan akan dilakukan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Ada peningkatan kes
Muka Surat	:	7



NOTIS penutupan sementara taman permainan kanak-kanak di Taman Metropolitan Batu, Kuala Lumpur.

Ada peningkatan kes

Dua lokasi di Selangor, satu di Sarawak dikenakan PKPD

Oleh Hafidzul Hilmi
 Mohd Noor
 hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dua lokasi di Selangor iaitu Flat Sungai Emas (Jalan Sungai Emas 31 dan Jalan Sungai Emas 32) serta Plaza Hentian Kajang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 28 Oktober hingga 30 November ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, turut dikenakan PKPD adalah Kam-

pung Haji Baki di Sarawak yang akan bermula hari ini sehingga 9 November ini.

"Sidang khas hari ini (semalam) mendengar pembentangan berhubung situasi semasa Covid-19 di Selangor, kalau kita lihat terdapat peningkatan iaitu di Flat Sungai emas iaitu di Jalan Emas 31 dan Jalan Emas 32 di Kuala Langat serta di Plaza Hentian Kajang di Hulu Langat.

"Mengambil kira situasi semasa, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di kawasan berkenaan. Penduduk perlu mematuhi prosedur operasi standard



Mengambil kira situasi semasa, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di kawasan berkenaan"

Ismail Sabri Yaakob

(SOP) ditetapkan.

"Antara SOP perlu dipatuhi ialah penduduk tidak dibenarkan keluar masuk di kawasan PKPD. Sekolah, masjid dan rumah ibadat ditutup dan semua aktiviti

sukan, rekreasi, sosial dan budaya tidak dibenarkan," katanya.

Menurutnya, PKPD di Flat Sungai Emas membabitkan 1,300 penduduk manakala Plaza Hentian Kajang pula membabitkan 7,500 penduduk.

"Bagi PKPD di Kampung Haji Baki pula, kerajaan negeri Sarawak memohon PKPD berkenaan dilaksanakan secepat mungkin.

"PKPD ini membabitkan 4,191 penduduk. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melakukan ujian saringan bersasar kepada penduduk terbabit," katanya.



KERATAN AKHBAR		
28 October 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Letih la macam ni!
Muka Surat	:	18

Letih la macam ni!

Pembakaran terbuka di lokasi pembuangan sampah haram di Kapar dijangka terus berulang



PEMBAKARAN terbuka lokasi pembuangan sampah haram di Kampung Bukit Kerayong.



ANGGOTA bomba memadam kebakaran

Oleh Ruwaida Md Zain
 am@hmetro.com.my

Shah Alam

Pembakaran terbuka oleh pihak tidak bertanggungjawab di lokasi pembuangan sampah haram di Kampung Bukit Kerayong, Kapar di sini, dijangka berulang.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Selangor, Norazam Khamis berkata, sepanjang tahun ini, tiga kali di lokasi sama bomba menjalankan operasi pemadaman kebakaran terbuka itu.

"Di Kampung Bukit Kerayong sahaja, tahun ini sudah tiga kali berlaku dan kejadian kali ketiga ini selama tiga hari sejak 24 Oktober lalu. Kejadian pertama, bomba mengambil masa 12 hari melakukan pe-

madaman, manakala kejadian kedua seminggu.

"Pihak bomba sudah maklumkan perkara ini kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) malah kerajaan negeri melalui Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) sudah membuat pemantauan tetapi masih juga berlaku.

"Kejadian pembakaran terbuka kali ini sudah padam sepenuhnya hari ini dan tiada lagi asap, bomba tidak menolak kemungkinan bulan hadapan pembakaran berlaku lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung kejadian yang berulang itu dalam sidang media selepas tinjauan kerja sanitasi di Pusat Transfor-

masi Bandar (UTC) Shah Alam oleh anggotanya di sini, semalam.

Turut hadir, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Hafisham Mohd Noor dan Ketua Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hamzmat) Selangor, Mohamad Nazri Ar Azmi.

Norazam berkata, secara keseluruhannya di Selangor, hampir setiap bulan bomba menerima laporan dan melakukan pemadaman pembakaran terbuka.

"Pembakaran sampah haram ini kerap berlaku di Selangor, bukan setakat di Klang, Cyberjaya, Puchong, Sepang, Hulu Langat juga

ada kawasan yang menjadi tempat pembuangan sampah secara haram dan dibakar.

"Bomba percaya, pihak yang membuat pembakaran ini adalah mereka yang mencari barang lusuh dan terpakai. Kita percaya ini dilakukan oleh warga asing," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan statistik juga, kawasan-kawasan yang kerap berlaku adalah di lokasi sama.

"Mungkin kawasan itu menjadi tumpuan pihak terbabit mencari barang lusuh dan terpakai. Perkara ini kami serahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (Jas) dan PBT sepenuhnya untuk tindakan lanjut membabitkan pemantauan dan penguatkuasaan kerana tugas bomba adalah pemadaman," katanya.





KERATAN AKHBAR		
28 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Ronnie Liu antara disiasat hina YDPA
Muka Surat	:	13

Ronnie Liu antara disiasat hina YDPA

KUALA LUMPUR – Polis sedang menyiasat empat akaun laman sosial melibatkan Facebook dan Twitter termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek, Ronnie Liu Tian Khiew yang dipercayai memuat naik hantaran yang mempunyai kecenderungan menghasut terhadap Yang di-Pertuan Agong (TDPA).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, siasatan tersebut kini sedang dijalankan oleh Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) JSJ Bukit Aman.

Menurutnya, akaun pertama yang sedang disiasat adalah melibatkan hantaran yang dimuat naik menerusi akaun Facebook Ronnie Liu Tian Khiew.

"Satu siasatan telah dijalankan pada 21 Oktober lalu ke atas akaun Facebook terbabit kerana telah meninggalkan komen 'Now In Bangkok, They Are Saying No To The King'.

"Akaun kedua yang sedang disiasat adalah melibatkan ciapan di Twitter Uncle Ireeve pada 25 Oktober lalu yang mempunyai unsur penghinaan terhadap YDPA," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Huzir berkata, akaun ketiga yang disiasat melibatkan ciapan di Twitter Liew Lip Nan kerana mempertikai satu video yang dimuat naik oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkaitan Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu.

"Pihak USJT juga sedang menyiasat Facebook Ho Ruey Treng kerana memuat naik kenyataan yang berunsur penghinaan kepada YDPA semalam (kelmarin)," jelasnya.

Menurut Huzir, sehingga semalam, seorang lelaki berusia 52 tahun sudah ditahan di Cheras dan pihaknya juga telah merampas peralatan yang digunakan untuk memuat naik kenyataan tersebut.

"Siasatan lanjut kini sedang dijalankan bagi mengesan suspek dan merakam keterangan saksi yang kompeten serta mendapatkan keterangan dokumen.

"Kesemua pemilik akaun Facebook dan Twitter yang telah dikenal pasti diminta tampil menyerah diri di USJT Bukit Aman dan sekiranya ingkar, kita akan menahan mereka yang terlibat," tegasnya.

Kesemua kes disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.



POLIS menyiasat empat akaun media sosial berhubung perbuatan menghina YDPA. – GAMBAR HIASAN



KERATAN AKHBAR		
28 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Nelayan rayu tindakan ke atas pihak cemari sungai
Muka Surat	:	16

Nelayan rayu tindakan ke atas pihak cemari sungai

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA SELANGOR – Nasib 100 nelayan di jeti Pawang Gapar, Jeram di sini terus dirundung malang apabila berdepan dengan pencemaran Sungai Buloh sejak 15 tahun lalu.

Pencemaran daripada sisa industri tersebut didakwa dilepaskan dari sebuah kilang yang terletak di Ijok di sini melalui saliran longkang yang terus ke sungai tersebut.

Hasil tinjauan Kosmo! semalam mendapati, air sungai tersebut menjadi hitam dengan mengeluarkan bau busuk yang boleh menyebabkan hidupan akuatik seperti ikan dan kerang mati.

Seorang nelayan, Kahar Buntal, 68, mendakwa perkara itu diajukan berulang kali kepada pihak berkuasa bagi menyelesaikan masalah membelenggu nelayan di situ.

Katanya, pencemaran ketara dilihat terutama ketika air surut dengan kelihatan tompokan hitam dan pencemaran.

Jelasnya, ketika air pasang ia



SEBAHAGIAN nelayan yang resah dengan punca pendapatan mereka semakin terancam di Jeti Pawang Gapar, Jeram, Kuala Selangor semalam.

akan mengambil masa beberapa jam dan pencemaran tetap ada.

"Jadi, tolong kami selesaikan masalah ini kerana nelayan di sini sudah letih berdepan pencemaran berulang kali ini sejak 15 tahun lalu," katanya kepada Kosmo!

di sini semalam.

Bagi seorang lagi nelayan, Toha Mohd. Amin, 60, sungai tersebut sebelum ini membekalkan hasil perikanan seperti ikan sembilang, bawal, senangin, belanak, ketam dan kerang tanpa perlu

pergi ke laut lepas.

"Jika dahulu mampu meraih 200 kilogram (kg) udang sekarang hendak dapat sekilo pun sukar dan kadang-kadang hanya 12 ekor sahaja.

"Sungai ini pun rasanya sudah 'mati' dengan hasil perikanan kerana yang memenuhinya hanya memerang dan biawak sahaja," ujarnya.

Pandangan senada turut dilontarkan Samsudin Zainal Abidin, 52, sekiranya berlaku pencemaran, nelayan hanya mampu termenung di jeti mengenang nasib mereka tanpa sebarang pembealaan sewajarnya.

"Sampai bila lagi kami harus tunggu masalah ini diselesaikan. Pendapatan kami bukannya tinggi dan hasil laut sahaja yang digunakan bagi menara kehidupan keluarga," katanya.

Sementara itu, sumber Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) ketika dihubungi Kosmo! memaklumkan, Sungai Buloh antara lokasi panas yang sering dipantau pihaknya dalam menangani isu pencemaran yang dikatakan kerap berulang.

"LUAS sendiriantau dengan Majlis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Selangor dalam mengenal pasti punca pencemaran tersebut.

"Kes ini memang dalam tindakan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pelan Tindakan Sungai Buloh, LUAS," katanya.



KERATAN AKHBAR		
28 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Itu tanggungjawab saya'
Muka Surat	:	2

'Itu tanggungjawab saya'



Najib dikerumuni pemberita di lobi Menara Dato' Onn, Kuala Lumpur selepas Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO malam kelmarin.

Najib tegaskan bertanggungjawab untuk beri cadangan sebagai Ahli Parlimen UMNO

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Pengerusi Lembaga Penasihat Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, sudah menjadi tanggungjawab beliau sebagai Ahli Parlimen UMNO untuk mengutarakan cadangan kepada parti.

Bekas Perdana Menteri itu menyifatkan cadangan, atau lebih tepatnya meletakkan pilihan yang UMNO ada dalam senario politik semasa, sebagai satu perkara lazim dilakukan dalam parti itu sejak dahulu.

"Sebagai salah seorang Ahli Parlimen UMNO, saya bawa tiga cadangan dalam mesyuarat semalam (kelmarin) kerana itulah tujuan kami bertemu.

"Ia adalah untuk berbincang dan menentukan hala tuju UMNO pasca Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) dan Raja-raja Melayu menolak permintaan darurat kerajaan Perikatan Nasional (PN).

"Semua diberi peluang untuk mengutarakan pandangan masing-masing. Ini adalah amalan lazim dalam UMNO," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebooknya semalam.

Beliau mengulas reaksi berhubung beberapa cadangannya termasuk untuk bekerjasama dengan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada mesyuarat Ahli Parlimen BN-kelmarin.

Najib juga mengaku mengutarakan kerjasama itu, namun maksud sebenar adalah cadangan untuk UMNO bekerjasama secara bersyarat dengan Anwar tanpa DAP sehingga Pilihan Raya Umum ke-15.

"Dua lagi cadangan adalah untuk mendapat persetujuan Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan pada suatu tarikh yang tetap setelah coronavirus (Covid-19) terkawal.

"Ia demi memulihkan kestabilan politik serta cadangan bahawa UMNO teruskan kerjasama dengan PN dengan syarat parti ini diberikan lebih peranan dalam kerajaan untuk menentukan hala tuju ekonomi.

"Fahamkan, ia adalah cadangan untuk diperbincangkan. Bukan kata muktaamad... cadangan untuk kita berbincang sahaja. Belum bekerjasama pun," katanya.

Beliau turut mengingatkan selain UMNO, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, malah Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin dan Pas pernah bekerjasama dengan Anwar.

Najib juga menamakan dua bekas pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang kini menjadi menteri kerajaan iaitu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamarudin.

Katanya lagi, tujuan mesyuarat BN dan UMNO kelmarin juga adalah untuk berbincang hala tuju dan menilai pelbagai cadangan dan sebarang kemungkinan demi kepentingan parti dan kebaikan rakyat dan negara.

Beliau turut mengakui berasa kecewa apabila ada pihak menuduh cadangan menyokong Anwar itu bagi melepaskan diri daripada tuduhan yang sedang dihadapi di mahkamah termasuk menganggap beliau sebagai 'gila kuasa'.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

28 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PN sambut baik solidariti, tekad perangi Covid-19
Muka Surat	:	3

PN sambut baik solidariti, tekad perangi Covid-19

SHAH ALAM - Perikatan Nasional (PN) menyambut baik semangat solidariti parti-parti komponen yang telah menzahirkan sokongan penuh terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ketua Penerangan PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, PN bertekad untuk terus bekerja kuat bersama-sama rakyat dan barisan hadapan negara bagi memerangi pandemik koronavirus (Covid-19).

"PN menyambut baik semangat solidariti parti-parti komponen; Pas, STAR dan SAPP serta ahli-ahli Parlimen UMNO, MCA, MIC, PBRs, Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menzahirkan sokongan penuh terhadap kepimpinan Muhyiddin dan mendocong kerajaan PN.

"PN menyeru semua pihak khususnya pemimpin politik merentasi segenap batas perbezaan untuk segera mendakap kesatuan bersama rakyat demi memerangi Covid-19 dan memulihkan ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, PN menjunjung tinggi titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang mengiktiraf kejayaan kerajaan dalam menangani pandemik Covid-19 dengan baik dan berkesan.

"PN juga menjunjung kasih di atas keyakinan Al-Sultan Abdullah terhadap pelaksanaan kebijakan dan tindakan penguatkuasaan oleh kerajaan Persekutuan demi melindungi kesihatan rakyat, memelihara kebajikan dan menjamin keselamatan rakyat serta mencerdaskan ekonomi negara," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

28 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PDRM siasat empat pemilik akaun Facebook, Twitter hina Agong
Muka Surat	:	21

PDRM siasat empat pemilik akaun Facebook, Twitter hina Agong

KUALA LUMPUR - Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyiasat empat pemilik akaun media sosial Facebook dan Twitter kerana cenderung menghasut dan menghina Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilal Shah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, antara individu yang disiasat Unit Siasatan Jenayah Ter-

kelas (USJT) Bukit Aman itu ialah pemilik akaun FB Ronnie Liu Tian Khiew.

"Pada 21 Oktober lalu, satu siasatan sudah dimulakan ke atas kenyataan yang dimuat naik pemilik akaun FB itu tertulis "*Now in Bangkok, they are saying no to the king* (Kini di Bangkok mereka katakan tidak kepada Raja)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, kes kedua adalah kenyataan berunsur

penghinaan di akaun Twitter yang menggunakan nama Uncle Ireeve dan siasatan telah dilakukan pada 25 Oktober lalu.

"Siasatan dijalankan ke atas pemilik akaun Twitter, Liew Lip Nan kerana mempartikai video yang dimuat naik Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung tujuh wasiat Raja-Raja Melayu

"Pada 25 Oktober, keesokannya Unit Siasatan Jenayah

Terkelas (USJT) Bukit Aman telah menahan seorang lelaki berusia 52 tahun di Cheras, Kuala Lumpur dan merampas perkakasan yang disyaki diguna untuk memuat naik kenyataan terbabit," katanya.

Huzir berkata, pihaknya turut memulakan siasatan terhadap pemilik akaun Facebook, Ho Ruey Terng yang memuat naik kenyataan menghina Agong.

Tegasnya, keempat-empat

kes ini disiasat di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan kerana mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap mana-mana raja atau kerajaan.

Kes turut disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Tambahnya, tindakan tegas akan diambil terhadap individu terbabit kerana menghasut.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	30 Penduduk Kampung Matang Pagar Terima Kad KISS
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Belanjawan 2021: Fokus Misi Pelaburan Dalam Talian
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Belanjawan 2021: Perkasa Ekonomi Pasca Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Belanjawan 2021: Sistem Pengasingan Sampah Dari Rumah Perlu Diwujudkan?
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 October 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Belanjawan 2021: Tumpu Bantu Rakyat Terjejas Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Improvements in progress
Muka Surat	:	1



Work done by BERT has started a three-month project to improve the 1.7-acre old retention pond. — KK SHAM/The Star

Improvements in progress

Banting factory explains steps instituted in response to residents' complaints of pollution

By FARDI WAHAB
 fardihab@the-star.com.my

SINCE a paper processing factory began operating in Kampung Sungai Mangin in Banting, Selangor, last year, quality of life has not been quite the same for residents in the area.

They said problems such as noise, odour and water pollution began arising — all of which they claimed were caused by a factory operating since their vicinity.

